



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

PENUTUPAN KEKAL PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT ROYAL THAI EMBASSY / LORONG AMPANG 2, JALAN AMPANG

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ingin memaklumkan bahawa penutupan kekal Persimpangan Lampu Isyarat Royal Thai Embassy / Lorong Ampang 2, Jalan Ampang akan dilaksanakan bermula 1 Julai 2026.

Penutupan ini merupakan sebahagian daripada projek menaik taraf Jalan Ampang dari Persimpangan Jalan Tun Razak hingga ke MRR2 bertujuan meningkatkan kecekapan rangkaian jalan raya, keselamatan pengguna serta melancarkan aliran trafik di koridor utama Jalan Ampang.

Projek menaik taraf sepanjang 3.2 kilometer ini melibatkan penyediaan infrastruktur yang lebih sistematik termasuk pembinaan pembahagi jalan, jalan empat lorong dua hala, siar kaki yang lebih selesa dan selamat serta penambahbaikan kemudahan lampu jalan.

Pembinaan pembahagi jalan dan penutupan persimpangan lampu isyarat ini dijangka dapat mengurangkan konflik pergerakan kenderaan (*traffic weaving*), mengurangkan kelewatan di persimpangan serta meningkatkan kelancaran aliran trafik di sepanjang Jalan Ampang.



Sebagai laluan alternatif, pengguna jalan raya boleh membuat pusingan-U di Jalan Tun Razak untuk ke arah Ampang dan membuat pusingan-U di Jalan Ampang Hilir bagi perjalanan ke arah pusat bandar.

Pengguna jalan raya dinasihatkan supaya merancang perjalanan lebih awal serta mematuhi papan tanda lalu lintas yang disediakan.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
1 Julai 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

LAMPIRAN





LAMPIRAN

